

Pegawai RTM patut digantung tugas: Dr M

BH - 25/2/2006

SHAH ALAM: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, pegawai Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang bertanggungjawab menyiarkan karikatur menghina Nabi Muhammad SAW, dalam siaran berita Mandarin di TV2, wajar digantung tugas.

"Pegawai terbabit patut diambil tindakan. Berhenti... buang sekejap," katanya selepas menyampaikan syarahan 'Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Malaysia' pada Konvensyen Pemimpin Muda anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM), di Intekma Resort, di sini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian ketika ditanya apa tindakan yang wajar dikenakan terhadap RTM kerana menayangkan

karikatur yang menghina Nabi Muhammad SAW menerusi saluran beritanya.

Diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa tiada tindakan akan diambil terhadap *New Straits Times* (NST) berkaitan isu sama, beliau cuma berkata:

"Itu hak dia (Abdullah). Hak PM (Perdana Menteri)."

Ditanya kewajaran keputusan itu berikutan NST sudah memohon maaf secara terbuka dan tidak membabitkan lukisan Nabi Muhammad SAW, Dr Mahathir berkata:

"Itu dia (Abdullah) punya penilaian dan pandangan. Saya sudah cakap (pandangan saya)."